

## BAB 1 : PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Dinasti Song Utara dan Dasar Pembaharuan

Sesungguhnya segala kegiatan sejarah mempunyai pertalian langsung dengan kegiatan manusia . Proses perkembangan sejarah merupakan kesan daripada kegiatan manusia . Demi memahami sejarah kuno negara China , haruslah kita memahami kegiatan watak-watak utama sejak awal lagi dalam pentas politik sejarah China terlebih dahulu . Memandangkan sejarah China penuh dengan krisis dan cabaran , pada masa inilah reformis-reformis akan muncul menerajui pimpinan dengan menjalankan dasar-dasar pembaharuan .

Walaupun dari satu segi , jika dibandingkan dengan dinasti-dinasti yang teragong seperti Han 汉 ( 206—220 ) , Tang 唐( 618—907 ) , Ming 明( 1368—1644 ) dan Qing 清( 1644—1911 ) , dinasti Song merupakan dinasti yang paling lemah , terutamanya dari segi pertahanan , tetapi dinasti ini juga merupakan sebuah dinasti yang penting dari segi politik , sosio-ekonomi , dan juga dalam bidang kebudayaan , pemikiran dan lain-lain . Dinasti Song merupakan sebuah dinasti yang unik kerana zaman ini telah memperlihatkan perkembangan pesat dalam bidang sosio-ekonomi dan intelektual . Kegigihan kaum Cina dalam mempertahankan tanahair sendiri dapat dilihat pada dinasti Song di mana Song mampu mempertahankan serangan kaum nomad pada kedua-dua zaman Song Utara ( Bei Song 北宋 , 960—1127 ) dan Song Selatan ( Nan Song 南宋 , 1127—1279 ) . Walau

bagaimanapun , kelemahan Song dari segi politik dan ketenteraan telah menjadi salah satu ciri terkemuka pada masa yang serentak .

Jika dilihat dari sudut yang lain , didapati bahawa pada zaman Lima Dinasti( Wudai 五代 , 906—960 ) , suasana politik lebih menggalakkan golongan tentera daripada golongan terpelajar . Boleh dikatakan bahawa zaman Lima Dinasti merupakan suatu zaman yang penuh dengan pertempuran dan kekacauan . Pada tempoh 53 tahun ini , jeneral tentera berebut-rebut kuasa dengan berhempas pulas dan pada masa ini , pencapaian dari segi ketenteraan lebih dipentingkan . Pada awal dinasti Song , suasana yang sama telah pun diwarisi oleh maharaja Song . Demi membetulkan keadaan yang telah wujud selama ini , maka pemerintah Song telah mengubah dasar pada keseluruhannya . Dasar-dasar ini , walaupun telah memperbaiki keadaan yang wujud sebelum itu , tetapi telah membawa kesan-kesan yang negatif pula kepada dinasti Song pada masa yang sama .

Seperti yang diketahui , walaupun dinasti Song merupakan sebuah dinasti yang agak cemerlang dari segi kebudayaan , tetapi dinasti ini adalah lemah dari segi ketenteraan dan pertahanan yang diakibatkan dasar-dasar kerajaan . Oleh sebab itu , pada masa pertengahan Song Utara , kerajaan terpaksa menjalankan pembaharuan kerana kelemahan dari segi pentadbiran dan ketenteraan serta masalah ancaman luar .

Pada awal dinasti Song , pemerintah Song telah melancarkan dasar-dasar pemusatan kuasa dari segi ketenteraan , pentadbiran dan kewangan . Dari segi

ketenteraan , dinasti Song telah mengikuti dasar yang “ tidak membenarkan askar dikawal oleh ketua pasukan tentera yang tetap dan khusus , manakala ketua tentera pula tidak dibenarkan mengawal pasukan tentera yang tetap ” ( 兵无常帅，帅无常师 ).

Dasar pemusatan kuasa yang dilancarkan oleh maharaja Song Tai Zu 宋太祖 ( 927—976 ) sesungguhnya mampu menyatu-padukan keadaan yang huru-hara yang telah wujud sejak akhir dinasti Tang hingga ke tempoh Lima Dinasti . Penyatuan dan kestabilan yang dicapai oleh maharaja Song telah secara tidak langsung memperkuatkan kedudukan politik dan seluruh masyarakat Song . Dinasti Song Utara telah kekal dan kukuh selama 150 tahun ; sistem pentadbiran negara dilaksanakan dengan sistematik dan kuasa kerajaan pusat juga dapat diperkuatkan . Walau bagaimanapun , jika dilihat dari satu segi pula , dasar pemusatan kuasa yang melampau telah melemahkan kuasa pentadbiran dan bidang ketenteraan dalam kawasan daerah . Selain dari masalah pertahanan di daerah , dasar pemusatan kerajaan juga menyebabkan bilangan pegawai dan askar semakin bertambah dan akhirnya menjelaskan kedudukan ekonomi dinasti Song .

Dari sudut pandangan yang lain , kedudukan geografi memang memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan negara daripada serangan-serangan musuh . Walau bagaimanapun , satu kelemahan pertahanan yang ketara bagi dinasti Song Utara adalah kerana kerajaannya mendirikan ibukota di Kaifeng 开封 yang bertempat di sebuah dataran di lembah-lembah Sungai Kuning ( Huanghe 黄河 ) . Apabila musuh-musuh dari utara melakukan serangan ke atas

Song , mereka hanya perlu mengambil masa beberapa hari sahaja untuk tiba di kota Kaifeng . Ini sekali lagi membayangkan kelemahan Song dalam bidang pertahanan negara . Akan tetapi , kerajaan Song tidak mendirikan ibukota di Luoyang 洛阳 kerana kedudukan geografinya yang jauh itu . Kerajaan Song tidak mampu menanggung perbelanjaan pengangkutan barang-barang yang tinggi sekiranya beribukota di Luoyang . Begitu juga dengan kota Chang'an 长安 yang merupakan sebuah kota yang sunyi dan tandus . Maharaja Song Tai Zu terpaksa lah mendirikan ibukota di Kaifeng dengan tujuan menjimatkan perbelanjaan pengangkutan bekalan tentera .

Dalam soal ketenteraan pula , sesungguhnya maharaja Song Tai Zu berasa wasangka terhadap jeneral tentera . Ini dapat dilihat dari dasar Tai Zu yang mementingkan kedudukan pegawai awam dan kurang memberi perhatian yang serius terhadap jeneral tentera . Oleh kerana kekacauan yang berlaku yang diakibatkan oleh perampasan kuasa jeneral tentera selama ini , maka maharaja Song Tai Zu sengaja mengabaikan kedudukan jeneral tentera dan di sebaliknya pula mementingkan kedudukan sarjana-sarjana pentadbir . Malah baginda mengulang-ulangi kata terhadap generasi yang seterusnya supaya jangan membunuh para intelek dengan sesuka hati . “ Wasiat ” ini telah memberi implikasi yang mendalam terhadap kerajaan Song di mana kebudayaan menghormati sarjana-sarjana pentadbir telah berlanjut sehingga zaman dinasti Song Selatan . Satu perkara yang harus diingati ialah pepatah “ Lelaki tidak seharusnya menjadi askar ” ( 好男不当兵 ) telah disebar luas pada generasi yang seterusnya hingga kini .

Menerusi dasar yang dilancarkan oleh maharaja Song Tai Zu dan Tai Zong 太宗( 939 —997) , kebudayaan layu pada zaman Lima Dinasti turut hilang pada kemudiannya , diikuti dengan kedudukan sarjana-sarjana pentadbir bertambah tinggi . Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kedudukan sarjana-sarjana pentadbir pada zaman Song telah mencapai satu tahap yang tinggi dalam sejarah China . Sarjana-sarjana pentadbir bukan sahaja merupakan pendorong dalam masyarakat Song , malah mereka merupakan penggerak utama dalam bidang politik Song . Semangat yang gigih dan bertanggungjawab telah menjadi satu budaya pada masa itu . Sarjana-sarjana pentadbir bersemangat aktif untuk menceburkan diri dalam bidang pentadbiran negara . Di tambah pula dengan budaya “ kebebasan bercakap ” yang disebar luas pada Song , maka sarjana-sarjana pentadbir berani mengemukakan pandangan mereka terhadap sistem pentadbiran dan politik negara .

Namun begitu , keagongan pegawai-pegawai awam juga membawa pengaruh yang negatif terhadap Song di mana kebanyakan pegawai-pegawai awam asyik membincangkan hal-hal negara tanpa menjalankan tugas secara praktikal . Kata-kata mereka menjadi kosong dan muncullah puak-puak yang tidak sehaluan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan . Perselisihan demi perselisihan telah meninggalkan kesan yang serius di mana bilangan penyokong-penyokong bagi setiap puak politik telah meningkat dan pertelingkahan telah mencapai satu tahap yang amat teruk .

Sementara itu , jika dikatakan bahawa dasar pemusatan kuasa dan dasar mementingkan pegawai-pegawai awam serta mengabaikan kedudukan pegawai

tentera merupakan sebab kerajaan Song lemah , maka boleh dikatakan bahawa kuasa mutlak maharaja pula merupakan punca utama dinasti Song merosot pada akhirnya.

Jika ditinjau secara teliti , didapati bahawa sistem pentadbiran negara China sejak pembentukan zaman imperial adalah berdasarkan kepada kuasa maharaja . Begitulah juga pada dinasti Song . Kuasa maharaja adalah kuasa yang paling penting . Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa dalam perselisihan puak-puak politik , golongan yang mampu menyakinkan maharaja adalah pihak yang menang . Pegawai-pegawai awam yang tidak sehaluan dengan pihak reformis telah dapat menghasut maharaja mensyaki kesetiaan dan matlamat sebenar pihak reformis . Tambahan pula , golongan reformis kurang terdaya untuk menyakinkan maharaja tentang dasar pembaharuan mereka . Tuduhan golongan oportunistis telah mempengaruhi sikap maharaja sehingga hilang keyakinan terhadap pihak reformis pada akhirnya . Akibatnya , dasar pembaharuan turut menemui kegagalan dan ianya memberi kesan yang langsung terhadap sejarah dinasti Song .

Sesungguhnya pada tempoh masa di antara tahun 1023 sehingga tahun 1063 ( iaitu zaman pemerintahan Ren Zong 仁宗 ) , dinasti Song sedang menghadapi krisis akibat dari masalah-masalah yang timbul pada zaman tersebut . Fan Zhongyan 范仲淹 ( 989—1052 ) yang lahir pada zaman itu merupakan seorang negarawan yang bersifat idealistik dan beliau telah memperkenalkan beberapa dasar pembaharuan semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri Song . Pembaharuan Fan ( juga dikenali sebagai Pembaharuan Qingli 庆历新政 ) telah melahirkan

suasana dan nafas baru dalam bidang politik , ekonomi dan kebudayaan . Jika dilihat secara teliti , didapati bahawa Fan Zhongyan telah memberi sumbangan yang besar terhadap dinasti Song . Pertama , walaupun dasar pembaharuan Qingli dijalankan dalam masa yang singkat sahaja di mana ianya juga mengakibatkan perselisihan “ pakatan ” , namun dasar pembaharuan politik yang dilancarkan oleh pihak reformis yang terkemudian sebenarnya adalah berasaskan kepada dasar pembaharuan Qingli . Kedua , suasana pembelajaran dan semangat sarjana-sarjana pentadbir telah mencapai satu tahap yang tinggi pada masa itu di mana mereka yang bersifat idealistik amat mementingkan imej dan reputasi sendiri dan kelakuan yang baik serta moral yang tinggi . Ketiga , dari segi pertahanan negara , Fan telah melancarkan strategi yang tepat sekali ( iaitu strategi bertahan yang mampu menyekat kemaraan pasukan nomad ) . Pada keseluruhannya , dasar pembaharuan politik dan semangat tinggi sarjana-sarjana pentadbir merupakan dasar yang memberi kesan yang mendalam terhadap dinasti Song .

Fan Zhongyan bukan sahaja seorang negarawan dan reformis yang terkenal sahaja , tetapi beliau memang menjadi teladan kepada kita semua . Sebagai seorang reformis yang hidup dalam suatu dinasti yang lemah , sifat-sifat yang ditonjolkan oleh Fan seharusnya diberi penghormatan yang tinggi . Pendek kata , Fan seharusnya diberi sanjungan kerana beliau sanggup hidup dalam keadaan yang sederhana tanpa memikirkan kepentingan sendiri . Selain itu , Fan merupakan seorang tokoh yang berminat dalam pembelajaran di mana beliau belajar tanpa berhenti dalam seumur hidup beliau . Di samping itu , Fan merupakan seorang

tokoh yang berprinsip . Beliau tidak mudah tunduk pada kuasa besar dan sanggup mengorbankan diri demi rakyat dan tanahairnya .

Walaupun Fan Zhongyan telah menjadi seorang tokoh yang terkenal dalam sejarah China , tetapi pembaharuanya telah gagal . Terdapat beberapa sebab yang menyebabkan pembaharuan Fan kecundang pada akhirnya . Jika dilihat secara teliti , Fan merupakan seorang tokoh yang bersifat idealistik . Sifat ini dapat ditunjukkan melalui pergaulan Fan dengan kawan-kawan seperjuangannya di mana Fan bersikap tegas tanpa tunduk pada mana-mana pihak . Fan juga tidak sanggup berkompromi dengan pihak oportunistis sehingga timbulnya perselisihan politik yang serius pada akhirnya . Selain itu , dasar pembaharuan Fan ditentang hebat oleh mereka yang hanya mementingkan diri . Antara pihak yang tidak puas hati ini kebanyakannya terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi dan golongan bangsawan yang mempunyai kedudukan dan hak-hak istimewa yang telah diberi oleh kerajaan Song sejak awal-awal lagi .Oleh kerana idea-idea yang disarankan oleh Fan telah menggugat kedudukan dan hak-hak mereka , maka dasar pembaharuan Fan telah ditentang hebat pada masa itu .

Sebenarnya idea pembaharuan Fan Zhongyan bukanlah sesuatu yang mudah dijalankan . Skop pembaharuan bukan hanya tertumpu kepada satu bidang semata-mata . Walaupun perlaksanaan pembaharuan Qingli itu hanya mengambil masa setahun dan gagal pada akhirnya , namun dua puluh empat tahun kemudian ( iaitu pada tahun 1069 ) , seorang lagi reformis lain iaitu Wang Anshi 王安石( 1021—1086 ) telah menjalankan pembaharuan sekali lagi . Boleh dikatakan

bahawa sebahagian pembaharuan Wang Anshi adalah dibina di atas pembaharuan Fan Zhongyan . Wang Anshi telah menggunakan asas pembaharuan Fan Zhongyan untuk mencipta pembaharuan .

Pada kesimpulannya , Fan Zhongyan merupakan pengasas idea pembaharuan dinasti Song . Beliau mampu mengetahui dan mengesan keadaan politik , ekonomi dan sosial negara yang sudah wujud pada dinasti Song . Secara keseluruhannya , Fan Zhongyan memang merupakan tokoh utama dinasti Song . Walaupun beliau gagal dalam pembaharuan , tetapi semangatnya terhadap pembangunan negara telah menjadi teladan kepada generasi-generasi yang seterusnya . Jika kita mengakui sumbangan yang dibawa oleh Wang Anshi , maka peranan Fan Zhongyan sebagai penggerak pembaharuan tidak dapat diabaikan .

## 1.2 Dasar Pemusatkan ( *Qianggan Ruozhi* 强干弱枝 )

Dasar kerajaan Song Utara adalah berkait rapat dengan masalah-masalah yang wujud sebelumnya . Satu masalah utama adalah soal gabenor tentera ( *jiedushi* 节度使 ) . Sesungguhnya gabenor tentera pada zaman pemerintahan Tang Tai Zong 唐太宗 ( memerintah dari 627—649 ) sebenarnya memainkan peranan dalam mempertahankan sempadan Tang . Pada zaman pemerintahan Tang Gao Zong 唐高宗 ( memerintah dari 650—683 ) pula , gabenor tentera diberi kuasa dalam hubungan diplomatik negara . Walau bagaimanapun , kuasa gabenor tentera semakin bertambah dan mereka mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang pentadbiran ,

kewangan dan ketenteraan negara . Pemberontakan An Lu Shan 安祿山( 703—757 ) , seorang gabenor tentera yang berkuasa , pada tahun 755 telah merosakkan sistem pentadbiran negara Tang .

Oleh kerana sistem *Mu Bing* 募兵制( sistem tentera upahan ) telah menggantikan sistem tentera *Fu Bing* 府兵制 pada pertengahan zaman dinasti Tang , maka kuasa tentera nasional Tang telah banyak dikawal oleh gabenor tentera dan akibat dari itu kuasa maharaja banyak merosot . Tambahan pula , gabenor tentera berfungsi seperti raja tempatan dengan memelihara tentera sendiri , mengutip cukai tempatan dan enggan menghantar cukai kepada kerajaan pusat , melantik pegawai dan menjatuhkan hukuman sesuka hati , oleh itu , kedaulatan dinasti Tang telah hilang pada keseluruhannya .

Peristiwa pemberontakan An Lushan berlanjutan selama tujuh tahun dan dalam masa tujuh tahun ini , ibukota Chang' an dan Luoyang serta sekeliling kawasan Sungai Huang dilanda perperangan dan pertempuran . Keadaan bertambah serius di mana masalah pemusatan tanah pertanian di tangan tuan-tuan tanah ekoran keruntuhan sistem *Juntian* 均田制 . Ini mengakibatkan petani-petani yang tidak mempunyai tanah semakin miskin tetapi tuan tanah menjadi semakin kaya . Pertentangan kelas yang amat serius wujud pada era akhir Tang . Sesungguhnya penyelewengan kuasa sida-sida dan pemberontakan Huang Chao 黃巢 pada tahun 875 , ditambah dengan pemerasan oleh gabenor tentera dengan cara mengenakan

cukai yang tinggi , dinasti Tang tidak mampu pulih kepada keadaan yang sebelumnya dan terus runtuh pada akhirnya .

Selepas empayar Tang runtuh pada tahun 906 , negara China berpecah kepada 5 Dinasti ( Wudai ) dan 10 negeri ( Shiguo 十国) yang pengasas mereka sebenarnya merupakan gabenor tentera kepada dinasti Tang .

Jika dilihat dari sudut sejarah , didapati bahawa pengasas dinasti Song , iaitu Zhao Kuangyin , banyak menyedari bahayanya gabenor tentera . Peristiwa sejarah terdahulu telah membuktikan bahawa pihak tentera yang mempunyai kuasa besar akan membawa kesan yang langsung terhadap kestabilan negara di mana gabenor tentera yang berkuasa akan memiliki tanah tersendiri di negara China . Sebagai seorang maharaja yang berkaliber , Zhao Kuangyin yang dikenali sebagai Song Tai Zu kemudiannya menjalankan langkah-langkah yang drastik untuk membendung kepincangan sistem politik negara China pada era Tang akhir dan Wudai . Baginda mendengar nasihat daripada Perdana Menteri Zhao Pu 赵普 ( 922 —992 ) dan mengatur langkah yang sistematik supaya dinasti Song menjadi stabil dan mampu berlanjutan dengan selama-lamanya . Dasar terkenal yang dijalankan oleh Song Tai Zu ialah satu dasar pemusatan , iaitu pemusatan kuasa dalam tangan pihak kerajaan pusat dan mengurangkan kuasa pihak kerajaan wilayah serta tentera sempadan . Dasar ini diibaratkan sebagai “ memperkuatkan batang pokok tetapi melemahkan dahanya ” atau *Qianggan Ruozhi* dalam sejarah China .

### 1.2.1 Pemusatkan Kuasa Dalam Bidang Ketenteraan

Pada hakikatnya, Song Tai Zu berasal daripada latarbelakang tentera maka seringkala baginda mempunyai rasa wasangka terhadap askar. Pasukan tentera dinasti Song dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu askar imperial atau *jinbing* 禁兵, askar daerah atau *xiangbing* 廂兵, askar tempatan atau *xiangbing* 乡兵 dan askar sempadan atau *fanbing* 藩兵. Askar imperial adalah pasukan tentera yang paling handal dan bertugas menjaga keselamatan maharaja. Askar daerah pula bertugas di daerah dan mengawal keselamatan di daerah masing-masing. Askar tempatan terdiri daripada mereka yang berbadan sihat dan kuat yang dipilih daripada rakyat biasa, mereka bertugas mengawal keselamatan di tempatan. Manakala askar sempadan pula terdiri daripada puak-puak asing yang menyerah diri kepada dinasti Song dan mereka ini diarah supaya bertugas di sempadan negara China.

Dinasti Song adalah satu dinasti yang lemah. Sekian lama, keadaan porak-peranca berlaku, tambahan pula dengan serangan daripada puak-puak Khitan 契丹, maharaja Song Tai Zu telah mengambil langkah untuk memperkuatkuatkan kuasa ketenteraan baginda. Mula-mulanya, maharaja Tai Zu memusatkan askar-askar yang handal dari seluruh negara di bawah kawalan kerajaan pusat. Askar yang handal ini dikenali sebagai askar imperial. Sesungguhnya, 200,000 askar di bawah maharaja inilah yang merupakan askar-askar yang benar-benar berkualiti di seluruh negara. Di samping itu, maharaja Tai Zu meneruskan dasar baginda dengan satu sistem yang dikenali sebagai “Sistem Perkhidmatan Tentera

Secara Giliran Dan Pemindahan ” atau *gengshufu* 更戍法 di mana askar-askar akan bertugas di merata-rata tempat mengikut arahan kerajaan . Maharaja Song Tai Zu misalnya sering mengarahkan sejumlah 100,000 askar imperial bertugas di ibukota dan 100,000 askar imperial yang lain pula bertugas di sempadan negara China . Askar-askar ini sering dipindahkan ke tempat-tempat yang berlainan mengikut giliran . Tempoh perkhidmatan mereka di sesuatu tempat hanya satu atau dua tahun dan selebih-lebihnya tiga tahun . Baginda juga berhasrat mengasingkan askar-askar dengan ketua mereka supaya hubungan di antara mereka tidak rapat dan dikatakan “*jiang bu zhuan bing, bing bu zhuan jiang* 将不专兵，兵不专将” yang membawa maksud jeneral tidak dikhaskan untuk mengawal askar-askar yang tertentu manakala askar-askar pula tidak tertakluk kepada jeneral yang tertentu .<sup>1</sup>

Dasar tidak rasmi yang diaturkan oleh pihak kerajaan dinasti Song ialah “askar tidak dikawal oleh ketua pasukan tentera yang tetap dan khusus , manakala ketua tentera pula tidak dikhaskan untuk mengawal sesuatu pasukan tentera secara tetap ” .<sup>2</sup> Apabila berlakunya peperangan , ketua pasukan tentera akan diarahkan supaya bersedia untuk berperang dalam masa yang singkat , kadangkala maharaja sendirilah yang mengetuai pasukan tentera tersebut . Meskipun ketua pasukan tentera berada di jauh medan peperangan dan mempunyai askar yang ramai di bawahnya , tetapi ketua-ketua tersebut dikawal secara ketat oleh kerajaan pusat dan mereka harus mendengar arahan daripada maharaja . Tindakan

<sup>1</sup> Wang Shizhi 王式智 , *Zhongguo lidai xingwang shuping* 中国历代兴亡述评( *Komen Tentang Pembangunan dan Kemerosotan Zaman-zaman di China* ) , Taipei : Liming Wenhua Shiye Gufen Youxian Gongsi , 黎明文化事业股份有限公司 , 1975 , m.s. 308 .

<sup>2</sup> “bingkao” 兵考 4 ( Sistem Askar 4 ) , dalam Ma Duanlin 马端临 *Wenxian tongkao* 文献通考 , Bab 152 , m.s.1327 .

sedemikian secara tidak langsung memutuskan hubungan rapat di antara ketua dengan askar-askar di bawah kawalannya . Maharaja Song Tai Zu telah bertindak tegas mengurangkan kuasa ketua-ketua tentera . Maka pihak tentera pula tidak mampu mengancam dan menggulingkan kerajaan pusat . Sehubungan ini , kuasa kerajaan pusat menjadi lebih kukuh dan stabil . Ini adalah suatu pembaharuan yang amat penting dalam bidang ketenteraan pada dinasti Song .<sup>3</sup>

Sememangnya maharaja Song Tai Zu merupakan seorang pemimpin yang bijak dan handal . Baginda telah menyerap pengalaman dari peristiwa sejarah sebelum ini . Baginda sedar bahawa tanpa pasukan tentera yang kuat , negara tidak akan mencapai kejayaan . Memandangkan pasukan tentera amat penting dan merupakan pendukung utama dalam penguasaan politik di utara , maka maharaja Song Tai Zu tidak memandang ringan terhadap keperluan askar-askar . Rekod sejarah telah menunjukkan bahawa baginda mengadakan upacara pengorbanan secara besar-besaran pada setiap 3 tahun . Baginda akan menyampaikan hadiah dan mengurniakan pasukan tentera pada upacara tersebut . Apabila tibanya hari-hari perayaan , pihak kerajaan akan membenarkan mereka menuntut gaji . Manakala bagi askar-askar yang bertugas di sempadan negara China pula , pihak kerajaan Song akan menghantar pelbagai barang seperti wang dan barang-barangan keperluan kepada mereka . Bahkan di antara mereka itu ada yang diberi bonus sebulan gaji atau dikenali sebagai *yuefeng* 月奉 , ada yang dihadiahkan kasut mengikut musim-musim tertentu , ada pula yang dihadiahkan baju untuk musim sejuk dan juga diberi tambahan wang untuk membeli baju yang dikenali sebagai *Zhuang*

<sup>3</sup> Chen Rongzhao 陈荣照 , *Fan Zhongyan yanjiu* 范仲淹研究 ( *Kajian Tentang Fan Zhongyan* ) , Hong Kong , Sanlian Shudian 香港 : 三联书店 , 1987 , m.s. 5 .

*Qian* 庄钱 . Pada masa peperangan , maharaja Song Tai Zu akan mengurniakan *Zhuang Qian* kepada ketua-ketua tentera sebelum mereka bertolak ke medan peperangan . Selepas mereka menyelesaikan tugasannya mereka , baginda sendirilah yang akan menyambut kepulangan mereka dan menyediakan makanan serta minuman untuk menghargai jasa tentera tersebut .<sup>4</sup>

Ini adalah satu tindakan bijak yang menarik hati para tentera . Peristiwa sejarah dahulu menunjukkan bahawa masyarakat tidak dapat mencapai kestabilan disebabkan oleh askar-askar yang tidak berdisiplin dan berlumba-lumba merebut kekayaan . Mereka akan menyokong kuat kepada ketua yang boleh mendatangkan kekayaan bagi mereka . Maharaja Song Tai Zu menarik hati askar-askar dengan barang-barang kebendaan dan wang demi memenuhi keperluan para tentera . Tindakan ini terbukti mendapat sokongan dan taat setia daripada pihak tentera . Walaupun kuasa tentera dikurangkan , tetapi mereka diberi ganti rugi dengan barang-barang kebendaan yang lain . Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan rasa tidak puas hati mereka dan seterusnya menghalang mereka daripada membenci pihak kerajaan .

Selain itu , dasar pemusatan kuasa dapat dilihat daripada dasar kerajaan terhadap askar-askar daerah . Bagi maharaja Song Tai Zu , kuasa askar daerah ini adalah sengaja dilemahkan demi mencapai matlamat pemusatan kuasa kerajaan . Pada mulanya , baginda menyerap askar-askar handal dan gagah dari

---

<sup>4</sup> Tuo Tuo 脱脱 , *Songshi* 宋史 ( *Sejarah Song* ) , Beijing : Zhonghua Shuju 北京中华书局 , 1977 , Bab 194 , m.s. 4841 .

askar daerah ke dalam pasukan imperial , sedangkan askar yang tua dan lemah pula akan dimasukkan ke dalam pasukan askar daerah . Askar-askar daerah ini jarang dilatih dan tidak dipandang berat oleh kerajaan pusat . Bahkan mereka diberi tugas-tugas yang tidak begitu penting dan biasanya diarahkan berkhidmat di tempat-tempat seperti gudang menyimpan alat-alat peperangan (*jungiku* 军器库) , tempat menyimpan pemanah (*gongnuyuan* 弓弩院) , tempat membuat alat-alatan (*zaozuosuo* 造作所) dan lain-lain . Ada di antara mereka itu ditugaskan untuk berkerja di tempat-tempat seperti tempat membakar dan membuat tembikar (*yuowu* 窑务) , kilang pembinaan kapal( *zaochauufang* 造船坊), tempat membuat barang(*zuoyuan* 作院) dan sebagainya . Ada pula dihantar ke Sungai Huang untuk memperbaiki bentent-benteng sungai , kadang-kadang mereka diarahkan supaya membina semula kem-kem menyimpan barang dan kota-kota yang mengalami kerosakan , malah mereka ditugaskan sebagai pengangkut barang-barangan di daerah masing-masing . Mereka juga bertugas sebagai pasukan untuk menyambut ketibaan pegawai-pegawai baru dan menghantar pegawai-pegawai lama ke daerah lain . Justeru itu , adalah nyata bahawa askar daerah di dinasti Song sebenarnya tidak membawa apa-apa sumbangan bahkan menjadi pasukan tentera yang tidak berkesan bagi dinasti Song.<sup>5</sup>

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa kualiti dan kuantiti tentera imperial adalah jauh lebih tinggi daripada askar daerah dan tempatan . Sehubungan ini , kerajaan pusat dapat mengawal kawasan daerah secara berkesan

---

<sup>5</sup> Zhang Jiaju 张家驹, *Zhao Kuangyin zhuan* 赵匡胤传 (*Biografi Zhao Kuangyin*) , Nanjing : Jiangsu Renming Chubanshe 南京:江苏人民出版社 , 1959 , m.s. 78 .

dan langsung tidak memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk bersepadu dan memberontak .

Sekiranya ditinjau dengan teliti , polisi menerima rakyat yang miskin dan papa itu sebagai askar tempatan juga merupakan satu aspek yang terangkum dalam dasar pemusatan kuasa kerajaan Song . Menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai , rakyat jelata dinasti Song ditimpa pelbagai malapetaka akibat dari bencana alam yang tidak dapat diduga . Kemiskinan dan kelaparan turut dirasai dengan mendalam oleh mereka . Pada masa inilah pihak kerajaan Song mengambil peluang untuk menerima dan menyerap tenaga rakyat supaya memasuki pasukan tentera tempatan . Polisi ini dapat melegakan keadaan yang tegang buat sementara waktu dan seterusnya mengurangkan rasa tidak puas hati serta bantahan daripada rakyat .<sup>6</sup>

Polisi ketenteraan maharaja Tai Zu ini dikenali sebagai polisi “ membela askar ” atau *yangbing* 养兵 . Polisi ini turut dilaksanakan oleh maharaja-maharaja seterusnya dan membawa kesan yang langsung ke atas sejarah dinasti Song .

---

<sup>6</sup> Ibid. , m.s. 79 .

### 1.2.2 Pemusatkan Kuasa Dalam Bidang Pentadbiran

Pada hakikatnya , penderhakaan pasukan tentera terhadap pemerintah bukan merupakan satu fenomena yang baru pada tempoh Lima Dinasti . Krisis politik pada zaman tersebut telah memberi ilham kepada maharaja Song Tai Zu . Sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri Zhao Pu , langkah yang paling sesuai ialah “ mengurangkan kuasa pihak tentera supaya masyarakat dan negara dapat mencapai ketenteraman ( *Shao duo qi quan , tianxia zi an* 稍夺其权，天下自安) ” .<sup>7</sup>

Demi memusatkan kuasa politik , dasar yang harus dilakukan ialah mengambil alih kuasa pentadbiran dari tangan pasukan tentera . Sebelum ini , pihak tenteralah yang mempunyai kuasa yang sepenuhnya ke atas pentadbiran di daerah-daerah . Kebanyakan pentadbir daerah atau *xianling* 县令 tidak mampu mengendalikan tugasannya harian dengan sempurna , malah mereka ini diibaratkan sebagai “ orang korup yang tidak berkebolehan ” (*wochuo wuneng* 蠢疑无能) <sup>8</sup> .

Memandangkan hakikat ini , maharaja Song Tai Zu telah melancarkan sistem baru dengan melantik pegawai awam untuk menggantikan pihak gabenor tentera atau dalam pentadbiran tempatan . Pegawai awam ini diberi tugas sebagai pentadbir di sesuatu daerah . Perlantikan pegawai awam ini bermula pada tahun 963 dan bertujuan mengambil alih kuasa pentadbiran dari pihak tentera di

<sup>7</sup> Ibid , m.s. 82 .

<sup>8</sup> Li You 李攸 , *Songchao shishi* 宋朝事实 ( *Peristiwa Benar Dinasti Song* ) , Beijing : Zhonghua Shuju 北京:中华书局 , 1955 , m.s. 156 .

samping menyerap nafas baru ke dalam institusi-institusi kerajaan serta seterusnya mencapai matlamat pemusatan kuasa politik dinasti Song . Menurut *Songshi jishi benmo* 宋史纪事本末 (*Catatan Sejarah Song*) :

Maharaja Song Tai Zu memberitahu Perdana Menteri Zhao Pu , “Panglima Tempatan bersikap zalim dan sombong pada zaman Lima Dinasti , rakyat biasalah yang menerima kepahitan dan kesengsaraan . Bermula dari sekarang , beta akan memilih lebih kurang 100 orang pegawai-pegawai yang berkebolehan daripada pegawai-pegawai awam , dan menghantar mereka ke tempat-tempat tertentu untuk mengendalikan hal-hal tempatan . Jika dibandingkan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai awam dengan panglima tentera , kesalahan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai awam ini hanya merupakan satu persepuhl daripada kesalahan yang dilakukan oleh panglima tentera sahaja .”<sup>9</sup>

Peristiwa yang telah berlaku dalam sejarah jelas menunjukkan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh golongan tentera adalah sangat serius sehingga mampu menjadikan keselamatan negara . Ini mengakibatkan maharaja Song Tai Zu bertindak tegas menggantikan golongan tentera dengan pihak pegawai awam .

Pada zaman pemerintahan Song Tai Zong , kuasa panglima tempatan telah banyak dikurangkan . Namun perlucutan jawatan jeneral secara habis-habisan dan pupus sama sekali hanya berlaku pada zaman pemerintahan Song Zhen Zong 宋真宗 ( 968—1022 ) . Sejak masa itu , gabenor tentera telah hilang

---

<sup>9</sup> Feng Qi 冯琦 , *Songshi jishi benmo* 宋史纪事本末 , ( *Catatan Sejarah Song* ) , Taiwan : Shangwu Yinshuguan 商务印书馆 , Vol. 1 , m.s. 8 .

kuasanya dan pembentukan jawatan “Pentadbir Daerah” ( iaitu *zhizhou* 知州 ) telah menjadi satu sistem pentadbiran yang biasa diterima oleh rakyat jelata.<sup>10</sup> Pegawai “pentadbir daerah” dihadkan berkhidmat untuk selama 3 tahun sahaja disesuatu tempat . Apabila tempoh perkhidmatan mereka telah tamat , mereka akan digantikan dengan tugas yang lain .<sup>11</sup>

Di samping itu , kerajaan dinasti Song juga melantik pegawai yang dikenali sebagai “Penolong Pentadbir Daerah” atau *tong pan* 通判 di tiap-tiap negeri demi mambahagikan dan menghadkan kuasa “Pentadbir Daerah” atau *zhizhou* itu . Tujuan kerajaan dinasti Song ialah supaya Penolong Pentadbir Daerah dan Pentadbir Daerah saling menyekat di antara satu sama lain untuk mencapai suatu perseimbangan kuasa di kawasan daerah .

Sistem pentadbiran pada peringkat daerah kecil ( *xian* 县) pula turut diubahsuai dan diperbaharui oleh kerajaan Song . Kerajaan Song menghantar pegawai-pegawai awam untuk bertugas di daerah-daerah kecil yang tertentu demi menyekat kekuasaan tentera tempatan . Pada tahun 963 , maharaja Song Tai Zu telah memulihkan jawatan “Pentadbir Daerah Kecil ” atau *xianling* 县令 . Pentadbir Daerah Kecil ini bertugas menguruskan hal-hal seperti kes-kes pencurian dan kes-kes bicara . Sehubungan ini , pentadbir daerah merupakan ketua yang benar-benar berkuasa di daerah . Jadi di peringkat daerah , maharaja Song Tai Zu telah menjalankan perubahan yang besar dalam sistem pentadbiran di mana baginda

<sup>10</sup> Zhang Jiaju , op.cit. , m.s. 83

<sup>11</sup> Xu Song 徐松 , *Songhuiyao jigao* 宋会要辑稿 ( *Koleksi Peraturan Kerajaan Song* ) , Beijing : Zhonghua Shuju 北京:中华书局, 1957 , m.s. 2366 .

cuba sedaya-upaya menggantikan tempat pegawai-pegawai ketenteraan dengan pegawai-pegawai awam . Tindakan ini bertujuan melemahkan kuasa gabenor tentera.

Pada masa yang sama , baginda juga menjalankan pembaharuan yang penting dalam kerajaan pusat . Menurut Chen Rongzhao :

Golongan pegawai yang berjasa besar tidak diberi peluang untuk mengawal askar imperial , manakala golongan tentera pula dilarang untuk mencampurtangan dalam hal-hal pentadbiran , ini menampakkan golongan tentera seolah-olah kehilangan kuasa tentera . Namun demikian , sekiranya pegawai-pegawai kerajaan pusat yang menyalahgunakan kuasa dapat menjalankan pentadbiran secara penyelewengan , maka kedudukan pemerintah dinasti Song akan turut diancam . Memandangkan hakikat ini , kerajaan pusat telah melancarkan dasar membahagikan kuasa institusi-institusi kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan demi memperkuatkan kekuasaan maharaja .<sup>12</sup>

Jika ditinjau secara teliti , Perdana Menteri memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran kerajaan . Pada permulaan dinasti Song , jawatan *canzhi zhengshi* 参知政事 yang berfungsi sebagai Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk mengagihkan kuasa Perdana Menteri . Taraf kedudukan dan kuasa Timbalan Perdana Menteri semakin dipertingkatkan . Bahkan apabila bertemu dengan maharaja di istana , tempat duduk khas untuk Perdana Menteri turut dihapuskan dalam zaman pemerintahan Song Tai Zu . Semenjak masa itu , Perdana Menteri yang ingin berjumpa dengan maharaja terpaksa berdiri di depan maharaja tanpa tempat duduk .<sup>13</sup>

<sup>12</sup> Chen Rongzhao , op.cit. , m.s. 9 .

<sup>13</sup> Zhang Jiaju , op.cit. , m.s. 86 .

Selain itu , kerajaan pusat telah menjadikan Biro Ketenteraan atau *Shumi Yuan* 枢密院 sebagai badan yang menyelenggarakan segala hal-hal ketenteraan yang pada masa dahulu adalah terletak di tangan Perdana Menteri . Sebelum maharaja Song Tai Zu bersedia untuk mengetuai pasukan tentera ke medan peperangan , baginda hanya menerima pandangan daripada Pesuruhjaya Biro Ketenteraan atau *shumishi* 枢密使 sahaja tetapi bukannya cadangan daripada Perdana Menteri .<sup>14</sup>

Perdana Menteri juga tidak berhak campurtangan dalam hal-hal kewangan . Hal-hal kewangan adalah terletak di tangan Suruhanjaya Kewangan atau *Sansi* 三司 .<sup>15</sup> Institusi Suruhanjaya Kewangan sebenarnya adalah jawatan yang lama . Ianya termasuklah Pejabat Garam Dan Besi atau *Yantiesi* 盐铁司 , Pejabat Fiskal atau *Duzhisi* 度支司 dan Kementerian Kewangan atau *Hubusi* 戶部司 . Pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam institusi ini digelar sebagai *Sansishi* 三司使 . Institusi ini bertugas mengendalikan hal-hal kewangan negara , mengimbangi segala pendapatan dan perbelanjaan negara . Institusi ini juga dikenali sebagai “ Kementerian Akaun ” ( *Ji Sheng* 计省 ) dan oleh sebab institusi ini merupakan badan kerajaan yang kedua penting di bawah Perdana Menteri , maka ketuanya juga dikenali dengan gelaran “ Menteri Akaun ” ( *jixiang* 计相 ) . Di sini jelaslah dilihat bahawa Suruhanjaya Kewangan sebenarnya berkuasa sepenuhnya ke atas dasar kewangan kerajaan dinasti Song .

<sup>14</sup> Chen Rongzhao , opcit. , m.s. 9 .

<sup>15</sup> “ zhiguan 职官 2 ( Sistem Perlantikan Pegawai 2 ) , SS , Bab 162 , m.s. 3807 .

Perlantikan pegawai-pegawai kerajaan pula diserahkan kepada Biro Penilaian Kakitangan Pentadbiran atau *Shenguan Yuan* 审官院 yang dibahagikan kepada bahagian timur dan bahagian barat dengan tugas yang berlainan . Bahagian timur bertugas dalam hal perlantikan pegawai-pegawai awam ( *wenxuan* 文选 ), manakala bahagian barat pula bertugas dalam perlantikan pegawai-pegawai ketenteraan ( *wuxuan* 武选 ) . Nyatalah di sini Perdana Menteri tidak mempunyai kuasa dalam perlantikan pegawai .

Di samping itu , institusi pengawasan dibahagikan kepada Biro Pengawasan atau *Yushitai* 御史台 dan Biro Kritikan Dasar atau *Jian Yuan* 谏院 yang secara ringkasnya digelar sebagai institusi pengawasan atau *taijian* 台谏 . Pihak kerajaan Song telah mempertingkatkan taraf kedudukan pegawai pengkritik 谏官 di mana pihak pengkritik boleh mengkritik hal-hal pentadbiran pada bila-bila masa sahaja . Dasar “ Tidak menghukum orang yang percanggahan pendapat ” ( *bu zui yan zhe* 不罪言者 ) telah menjadi satu tradisi dinasti Song . Biro Kritikan Dasar tidak lagi di bawah kawalan Perdana Menteri , malah ianya telah menjadi satu institusi kerajaan yang unik dan tersendiri . Manakala kuasa perlantikan dan kenaikan pangkat pengkritik pula adalah di dalam tangan maharaja sendiri . Pembaharuan sistem pentadbiran ini telah banyak memberi sekatan terhadap Perdana Menteri . Menurut Qian Mu 钱穆 , tanggungjawab dan kuasa Biro Pengawasan semakin bertambah manakala Perdana Menteri pula telah kehilangan

kuasanya.<sup>16</sup> Jelaslah di sini pemusatan kuasa pentadbiran oleh kerajaan Song telah mencapai matlamatnya.

Sesungguhnya pegawai kerajaan dinasti Song hanya memegang gelaran dan jawatan tinggi pada nama sahaja, misalnya mereka yang memegang jawatan dari Tiga Majlis (*Sanzheng* 三省), Enam Jabatan (*Liucǎo* 六曹) dan 24 Pejabat (*Ershisī* 二十四司) tidak dibenarkan menjalankan urusan jabatannya sendiri kecuali diarahkan oleh kerajaan pusat. Sistem pentadbiran sebenarnya dibahagikan kepada “gelaran” atau *guan* 官, “jawatan” atau *zhi* 职 dan “tugas khas” atau *chaiqian* 差遣. Seseorang yang diberi gelaran *guan* tidak perlu bertugas di pejabat kerajaan. *Zhi* adalah satu penghargaan tinggi kepada mereka yang mempunyai bakat dalam bidang kesusteraan. Mereka sentiasa di sisi maharaja, tugas mereka ialah mengujar dan mengisah titah maharaja. Mereka ini dianggap sebagai golongan yang bersifat mulia dan mempunyai maruah yang tinggi. Manakala pegawai-pegawai yang benar-benar menjalankan tugas pentadbiran dikenali sebagai orang yang diberi “tugas khas” atau *chaiqian*. Sistem pentadbiran ini berfungsi dengan mengasingkan *guan* dan *zhi* demi menghalang pegawai kerajaan daripada menggunakan kuasa secara sewenang-wenangnya.

---

<sup>16</sup> Qian Mu 钱穆, “Songdai xiangquan” 宋代相权 ( Kuasa Perdana Menteri Pada Dinasti Song ), *Songshi yanjiuji* 宋史研究集 , Vol. 1 , Taiwan : Zhonghua Congshu Weiyuanhui , 台湾 : 中华丛书委员会 , 1958 , m.s. 455 .

### 1.2.3 Pemusatkan Kuasa Dalam Bidang Kewangan

Pemusatkan kuasa kewangan adalah wajar dijalankan oleh kerajaan dinasti Song memandangkan gabenor tentera dinasti Tang dan zaman Lima Dinasti telah mengawal sepenuhnya pendapatan daerah . Menurut Rui Hezheng 芮和蒸 :

Gabenor tentera telah memperolehi pendapatan besar melalui pencukaian di daerah masing-masing . Pendapatan ini boleh membiayai kehidupan pasukan tenteranya dan pada masa yang sama pasukan tentera ini digunakan untuk mencari kekayaan dan pendapatan lain . Lamakelamaan , Panglima Tempatan dapat memperluaskan kuasanya sehingga mewujudkan sebuah negeri tersendiri .<sup>17</sup>

Kerajaan Song menyedari akan akibat yang berbahaya dari penguasaan sistem kewangan oleh gabenor tentera , maka maharaja Song Tai Zu telah menerima cadangan daripada Perdana Menteri Zhao Pu supaya mengawal sistem pendapatan gebenor tentera . Seterusnya pihak berkuasa telah membentuk jawatan *changwu jianguan* 场务谏官 pada tahun 961 khususnya untuk menguruskan pemungutan cukai di daerah . Pada tahun 964 , baginda telah menurunkan perintah di mana gabenor tentera harus menghantar pendapatan daerah dalam bentuk wang dan kain sutera ke kerajaan pusat di ibukota setelah memotong segala perbelanjaan . Manakala baginda sendiri telah menubuahkan satu tempat simpanan yang dikenali sebagai “Perbendaharaan Kiri ” atau *Zuozangku*

---

<sup>17</sup> Rui Hezheng 芮和蒸, “Lun Song Tai Zu zhi chuangye kaiguo” 论宋太祖之创业开国 ( Pembinaan Dinasti Song oleh Song Tai Zu ), *Songshi yanjiuji* 宋史研究集, Vol. 5 , 1970 , Taiwan : Zhonghua Congshu Bianshen Weiyuanhui 中华丛书编审委员会, m.s. 446 .

左藏库 untuk menyimpan barang-barang seperti wang dan sutera yang dibayar atau diserah dari seluruh negara . Ini merupakan suatu pembaharuan yang amat besar dalam usaha mengentralisasi bidang kewangan dinasti Song .

Bermula dari tahun 965 , kerajaan mula menubuhkan jawatan Pesuruhjaya Fiskal atau *zhuanyunshi* 转运使 dengan tujuan menguruskan hal-hal kewangan di daerah-daerah tertentu . Kuasa Pesuruhjaya Fiskal telah bertambah lan dengan itu tidak lagi wujud sebarang bantahan daripada Gabenor Tentera . Di amping itu , kerajaan pusat juga mengawal rapi hal-hal pentadbiran , perdagangan garam , teh dan perdagangan arak di tiap-tiap daerah . Jika didapati wujudnya tipu muslihat , maka hukuman yang berat akan dikenakan ke atas pegawai-pegawai pentadbiran .

Tidak dapat dinafikan bahawa dasar pemusatan kuasa yang dijalankan oleh maharaja Song Tai Zu sememang tepat pada waktunya . Dasar *qianggan ruozhi* merupakan satu titik perubahan yang amat besar dalam sejarah China . Dasar mengurang dan menghapuskan kuasa gabenor tentera turut membuka peluang kepada kerajaan pusat demi memperkembang dan memperkuuhkan kedudukan politik , ekonomi dan sosial dinasti Song . Ahli-ahli sejarah telah memberi penghargaan yang besar terhadap dasar pembaharuan yang positif ini . Namun demikian , dari sudut pandangan yang lain pula , dasar pemusatan kuasa ini memang terdapat kelebihannya sendiri . Oleh kerana pemerintah-pemerintah yang seterusnya hanya memegang kuat pada polisi lama tanpa memikirkan perubahan ,

maka sistem pentadbiran dan kewangan dinasti Song hampir lumpuh kemudiannya dan akibatnya membawa kepada keruntuhannya pada tahun 1127 .

### 1.3 Kesan Dasar Pemusatan Kuasa Negara

Walaupun dinasti Song Utara berlanjutan selama 167 tahun , tetapi pencapaian dinasti tersebut dalam bidang ketenteraan dan hubungan luar negeri adalah tidak memuaskan . Selepas pengasasnya Song Tai Zu menyatu-padukan negara China , maharaja-maharaja yang seterusnya tidak berupaya memimpin negara ke arah kemajuan dan kejayaan dalam bidang politik dan dalam hubungan luar negeri . Contoh yang ketara ialah maharaja Song Tai Zong telah berkali-kali mengalami kekalahan yang teruk kepada negeri Liao 辽 . Pada zaman Zhen Zong , baginda telah menandatangani Perjanjian Chanyuan 潼渊之盟 dengan negeri Liao pada tahun 1004 manakala negeri Xi Xia 西夏 pula telah memberontak terhadap kerajaan Song pada tahun 1038. Setelah dinasti Song berpaktat dengan orang Jin 金 dan menghapuskan negeri Liao pada tahun 1123 , pihak Jin pula merancangkan serangan ke atas dinasti Song.<sup>18</sup> Pada zaman pemerintahan Ren Zong ( 1010—1063 ) pula , ancaman Xi Xia semakin serius dan maharaja terpaksa menghantar Fu Bi 富弼 ( 1004 —1083 ) untuk menandatangani perjanjian damai dengan negeri Liao . Di sini jelas menunjukkan bahawa selepas dasar pemusatan kuasa dilaksanakan , dinasti Song bukan sahaja tidak sekuat yang dijangkakan , bahkan menjadi satu dinasti yang lemah dan sering diancam oleh orang-orang nomad di utara .

---

<sup>18</sup> Wang Shizhi , op.cit. , m.s. 309 .

### 1.3.1 Jumlah Askar yang Berlebihan (*Rongbing*冗兵)

Memandangkan negeri Liao semakin kuat dan sering mengancam dinasti Song, kedudukan kerajaan Song menjadi tidak stabil sekali lagi. Justeru itu, kerajaan terpaksa memelihara askar yang banyak untuk menyekat serangan daripada pihak Liao. Sejak itu, ramai askar telah ditugaskan di bahagian barat-laut untuk mempertahankan sempadan China. Bilangan askar telah meningkat dari masa ke semasa sehingga melebihi tahap yang diperlukan. Pada tempoh Kaibao 升宝(968—975), bilangan askar berjumlah 378,000 dan di antaranya bilangan askar imperial berjumlah 193,000, pada tempoh Tianxi 天禧(1017—1021) masa pemerintahan Zhen Zong, jumlah bilangan askar ialah 912,000 dan di antaranya askar imperial telah meningkat ke 432,000 orang, manakala pada tempoh Qingli 庆历(1041—1048) pula, jumlah bilangan askar telah mencapai 1,259,000 dan askar imperial telah melebihi 826,000 orang.<sup>19</sup> Peningkatan bilangan askar telah menjadi satu masalah yang serius bagi dinasti Song. Jadual di bawah adalah satu rekod jumlah bilangan askar pada zaman dinasti Song:

TAHUN	JUMLAH ASKAR	PERATUSAN PERTAMBAHAN
Pada permulaan zaman Pemerintahan Tai Zu (960-- )	220,000	100
Tempoh Kaibao, zaman Tai Zu (968—975)	378,000	180
Tempoh Zhidao 至道, zaman Tai Zong (995—997)	666,000	330
Tempoh Tianxi, zaman Zhen Zong (1017—1021)	912,000	416

<sup>19</sup> “bingkao” 兵考 1 ( Sistem Askar 1 ), SS, Bab 187, ms. 4576.

Tempoh Qingli , zaman Ren Zong ( 1041—1048 )	1,259,000	580
--	-----------	-----

Jadual ini dipetik dari Chen Rongzhao , *Fan Zhongyan Yanjiu* , m.s. 26

Secara tidak langsung , peningkatan bilangan askar ini memakan perbelanjaan yang besar dan memang merupakan beban besar kepada negara . Askar yang berlebihan telah menjaskan perpendaharaan negara . Di samping itu , ramai pemuda yang kuat dan sihat telah diambil menjadi askar , manakala orang tua dan orang yang tidak bermaya pula terpaksa bekerja di sawah . Secara tidak langsung , penghasilan dari sawah turut terjejas . Tambahan lagi , ramai petani terpaksa menjadi askar dan meninggalkan sawah mereka . Ini telah merosakkan sistem pertanian negara , bahkan mengurangkan pendapatan negara .

Selain itu , polisi “ pengurniaan ” atau *enhui* 恩惠 yang dilaksanakan oleh kerajaan Song turut menjadi bebanan yang besar terhadap negara . Polisi “ pengurniaan ” inilah satu dasar di mana apabila tamatnya “ Upacara Sembah Tian ” ( *jitian* 祭天 ) yang berlangsung setahun sekali , pegawai-pegawai kerajaan dan pasukan tentara akan menerima kurnia ( dalam bentuk wang dan hadiah yang lumayan ) daripada maharaja . Askar imperial dan askar daerah dari seluruh negara turut menikmati pengurniaan ini . Menurut sejarah rasmi Song , upacara sembahyang ini memakan perbelanjaan sebanyak 5 juta *min* 缪 pada masa pemerintahan Tai Zong , manakala pada masa pemerintahan Zhen Zong pula , kos upacara tersebut bertambah sehingga 12 juta *min* dan pada zaman pemerintahan Ren Zong ,

perbelanjaan telah sampai sebanyak 120 juta *min*.<sup>20</sup> Sistem kewangan negara telah dirosakkan sama sekali dan akhirnya kerajaan Song sendirilah yang menerima padahnya .

Dari sudut yang lain , “ pembayaran tahunan kepada musuh ” atau *suibi* 財币 juga menyusahkan lagi kerajaan Song . Sebagaimana yang diketahui kerajaan pusat Song telah mengadakan hubungan luar yang berbaik-baik dengan orang Khitan dan Xi Xia . Dasar bertolak-ansur ini sesungguhnya memberi kesan yang mendalam terhadap kerajaan Song . Mengikut statistik , pada tahun 1004 , iaitu masa pemerintahan Zhen Zong , dinasti Song telah menandatangani Perjanjian Chanyuan di mana kerajaan Song terpaksa menghadiahkan sutera sebanyak 200,000 gulung( *pi*匹) serta wang perak sebanyak 100,000 tahir ( *liang*兩) setiap tahun kepada Liao dan raja Liao pula dihormati sebagai “ abang ” atau *xiong* 兄 oleh pihak Song .<sup>21</sup> Perjanjian Chanyuan ini adalah satu perjanjian yang amat memalukan dinasti Song .

Pada tahun 1042 pula , kerajaan Song terpaksa membayar kepada Liao tambahan sutera dan wang perak sebanyak 100,000 unit masing-masing .<sup>22</sup> Manakala pada tahun 1044 , kerajaan Song terpaksa membayar wang perak sebanyak 72,000 *liang* , sutera 153,000 *pi* dan teh sebanyak 30,000 kati ( *jin*斤 ) kepada negeri Xi Xia .<sup>23</sup> Di sini jelaslah menunjukkan bahawa perjanjian

<sup>20</sup> Chen Rongzhao , op.cit. , m.s. 26 .

<sup>21</sup> SS , Bab 179 , m.s. 2109 .

<sup>22</sup> Ibid , Bab 313 , m.s. 3995 .

<sup>23</sup> Ibid. , Bab 485 , ms. 5801 .

perdamaian ini telah banyak menjasakan sistem kewangan kerajaan Song . Tidak keterlaluan jika dikatakan sistem *suibi* ini terus merobohkan benteng pendapatan kerajaan dinasti Song .

Walaupun pengambilan askar secara besar-besaran dilakukan oleh kerajaan dinasti Song , namun askar-askar baru ini tidak dilatih secara sistematik . Oleh sebab askar-askar ini tidak berpengalaman , maka kualiti mereka boleh dikatakan adalah rendah pada keseluruhannya . Penumpuan askar handal di ibu negeri melemahkan pertahanan di kawasan sempadan , demikian juga perpindahan askar yang sentiasa berlaku telah mengurangkan latihan ketenteraan lengkap lalu merendahkan daya peperangannya . Tambahan lagi , sekatan yang dikenakan untuk mengasingkan ketua dengan askar telah melemahkan pengaruh dan autoriti ketua pasukan . Ini secara tidak langsung memberi kesan yang negatif kepada seluruh pasukan tentera di medan peperangan .

Bagi askar pula , perlaksanaan sistem perkhidmatan tentera secara giliran telah mengakibatkan ramai askar mati di tengah-tengah perjalanan . Keadaan bertambah buruk apabila pemimpin tentera dan askar di bawah kawalannya tidak berkenalan antara satu sama lain . Tanpa interaksi yang baik di antara pemimpin tentera dengan askarnya telah melemahkan semangat dan daya perang pasukan tentera . Jelaslah bahawa perlaksanaan sistem *gengshufu* telah mempercepatkan proses kegagalan pasukan tentera Song .

### 1.3.2 Jumlah Pegawai yang Berlebihan (*Rongguan冗官*)

Sesungguhnya kerajaan Song mengambil berat tentang golongan intelek. Dengan mengadakan peperiksaaan awam yang dikenali sebagai *keju* 科举, kerajaan Song cuba menarik minat para intelek untuk berkhidmat di institusi kerajaan.

Di dalam peperiksaan *keju* tersebut, peperiksaan *zhiju* 制举, *jinshi* 进士 dan *mingjing* 明经 adalah tiga kategori yang terpenting. Di antara ketiga-tiga kategori ini, *jinshi* pula paling diminati orang. Walau bagaimanapun, bilangan calon yang berjaya dalam peperiksaan *jinshi* telah mencapai satu tahap yang berlebihan.

Sesungguhnya pada zaman Song adalah mudah untuk mendapatkan ijazah dalam peperiksaan *jinshi* dan bilangan *jinshi* pula semakin meningkat dari masa ke semasa. Malah sami-sami agama Buddha dan pendeta agama Dao 道 juga turut mengambil bahagian dalam peperiksaan ini dengan tujuan menjadi seorang pegawai kerajaan. Hanya dengan menjadi pegawai kerajaan sahajalah mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Tambahan lagi, kerajaan dinasti Song telah memberi keutamaan dan hak istimewa kepada pegawai-pegawai awam. Hak istimewa yang diberikan oleh kerajaan Song dikenali sebagai “sistem rahmat dan perlindungan” atau *enycin*

惠荫 di mana sebaik sahaja menjadi pegawai kerajaan , maka segala keperluan harian akan ditanggung oleh kerajaan yang terpaksa membayar jumlah wang yang besar . Di samping itu , anak cucu dan adik-beradik mereka bahkan saudara mara serta sahabat pegawai-pegawai tersebut juga dapat memperolehi jawatan kerajaan tanpa apa-apa syarat . Sistem ini secara tidak langsung membuka peluang kepada mana-mana pihak yang mempunyai hubungan dengan pegawai-pegawai tersebut untuk menjadi pegawai kerajaan dan seterusnya mendorong mereka masuk ke arena politik . Maka jumlah pegawai semakin meningkat dari setahun ke setahun .

Menurut *Guoshi dagang* 国史大纲( *Ikhtisar Sejarah Negara China* ) yang di tulis oleh Qian Mu:

Dinasti Song memberi hak istimewa kepada mereka yang memiliki ijazah *jinshi* sememangnya mempunyai tujuannya tersendiri , di mana kerajaan Song ingin mengubah keadaan masyarakat yang amat cenderung kepada kekuasaan ketenteraan sebelum itu dan seterusnya membentuk satu masyarakat yang dipimpin oleh para intelektual .<sup>24</sup>

Walau bagaimanapun , polisi ini juga membawa kesan yang negatif . Jumlah pegawai yang berlebihan membayangkan satu realiti , iaitu , ada di antara mereka yang cuma memegang jawatan pada nama sahaja tanpa menyumbangkan sebarang jasa kepada negara . Ini telah membawa masalah yang besar kepada negara . Faktor inilah membawa kepada kelemahan dan kemiskinan dinasti Song .

---

<sup>24</sup> Qian Mu , *Guoshi dagang* 国史大纲 ( *Ikhtisar Sejarah Negara China* ) , Taiwan : Shangwu Yinshuguan 商务印书馆 , 1977 , m.s. 384 .

Di samping itu , dinasti Song adalah sebuah dinasti yang memberi ruang kebebasan bercakap yang amat luas kepada pegawai-pegawai kerajaan . Walau bagaimanapun , kebebasan bercakap di kalangan pegawai-pegawai kerajaan sebenarnya tidak membawa apa-apa makna sekiranya sistem pertahanan negara adalah lemah . Pada zaman pemerintahan Zhen Zong dan Ren Zong , bidang pertahanan kerajaan Song amatlah lemah . Pihak pemerintahan memberi keutamaan kepada bidang kesusastraan dan pendidikan . Justeru itu , muncullah kelemahan dalam bidang ketenteraan . Apatah lagi kuasa Perdana Menteri telah dikurangkan dan beliau tidak mempunyai kuasa dalam bidang ketenteraan dan kewangan ; di samping itu , pegawai-pegawai kerajaan pula berhak mengkritik Perdana Menteri . Tanpa kuasa , Perdana Menteri terpaksa menjalankan urusan mengikut peraturan-peraturan yang lama . Sistem pentadbiran menjadi kaku memandangkan segala cadangan yang diberi oleh Perdana Menteri akan dibantah oleh pegawai-pegawai pengkritik atau *jianguan* . Justeru itu , mereka yang memegang jawatan Perdana Menteri pada awal dinasti Song boleh dikatakan kebanyakannya mengamalkan cara pentadbiran yang lama tanpa memberi sebarang sumbangan yang besar kepada dinasti Song .<sup>25</sup>

Dasar pemusatan kuasa yang dilakukan oleh kerajaan pusat turut menjelaskan sistem pentadbiran di daerah . Sebagaimana yang diketahui , daerah-daerah tidak mempunyai pegawai-pegawai kerajaan secara rasmi . Sebenarnya tugas mereka adalah untuk sementara waktu sahaja . Tambahan pula , dengan sekatan daripada Penolong Pentadbir Daerah , maka pegawai daerah tidak dapat

---

<sup>25</sup> Op.cit. , Bab 265 , m.s. 3454—3468 .

menjalankan tugas dengan berkesan . Bahkan pertelingkahan dan perselisihan sering berlaku di antara mereka . Ini menampakkan betapa lemahnya sistem pentadbiran pada dinasti Song . Sementara itu , polisi penyerahan dan penghantaran kebanyakan hasil pendapatan dari daerah ke kerajaan pusat oleh Pesuruhjaya Fiskal juga menjadi punca utama kelemahan daerah .

Dari perbincangan di atas , jelaslah bahawa dasar pemusatan kuasa yang dijalankan oleh kerajaan Song Utara sememangnya dapat menstabilkan penyatuan kerajaan Song Utara dan mengatasi masalah kuasa angkatan tentera pada Tang akhir , menyelesaikan konflik perselisihan politik dan kuasa pentadbiran yang dikawal oleh sida-sida . Ini memberi kesan yang positif terhadap ketenteraman masyarakat dan membantu terhadap peningkatan produktiviti .

Sesungguhnya pemusatan kuasa oleh kerajaan Song diasaskan kepada pemikiran yang saling bertentangan antara pencegahan dan pergantungan . Pada suatu aspek kerajaan Song memerlukan tentera untuk menyokong empayarnya tetapi ia khuatir terhadap pemberontakan tentera . Selain itu , ia memerlukan sistem birokrasi untuk memerintah negara tetapi ia takut tidak dapat mengawal birokrasi . Kepincangan dalam sistem politik Song telah melahirkan masalah dalaman dan luar yang serius dan ini menyebabkan kerajaan Song meninggalkan lembaran sejarah yang memalukan dalam sejarah China .

Fan Zhongyan hidup dalam sebuah dinasti yang lemah . Sebagai seorang intelektual yang mencintai bangsa dan tanahair , Fan Zhongyan turut

menceburkan diri dalam arus pembaharuan dengan tujuan mengkaji masalah-masalah yang timbul selama ini dan cuba mengemukakan pandangan-pandangan tersendiri untuk mengelakkan negara daripada menghala ke jalan merosot . Didapati bahawa dasar pemusatkan kuasa merupakan satu dasar yang melemahkan pertahanan negara manakala sistem politik yang berdasarkan "sistem perlindungan " pula merupakan asas kepada wujudnya masalah yang timbul dari pelbagai bidang pada dinasti Song . Fan cuba dengan sedaya-upayanya untuk melaksanakan dasar pembaharuan beliau . Dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh beliau telah mengancam kedudukan dan menjelaskan kepentingan golongan-golongan tertentu terutamanya golongan atasan . Rintangan dan halangan yang besar telah menuju ke arah Fan . Sesungguhnya Fan tidak mendapatkan apa-apa faedah selain dari dilucutkan jawatan dan dikritik hebat oleh golongan konservatif . Namun sejarah telah memberi penilaian yang tepat kepada Fan di mana dasar pembaharuan yang disarankan oleh Fan dianggap sebagai langkah-langkah yang bertujuan untuk kebaikan rakyat jelata dan seluruh masyarakat Song semata-mata .